

# Keakraban Prabowo, Anwar lonjak hubungan dua negara berjiran

• Warna-warni era Prabowo setakat ini dapat dilihat apabila beliau mengundang 49 tokoh boleh dianggap sebagai calon untuk mengisi jawatan penting beberapa kementerian dan agensi kerajaan

• Menariknya lagi ialah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim sudah mengenali Prabowo menjangkau lebih 40 tahun bermula ketika latihan ketenteraan bersama di Fort Bragg, Amerika Syarikat (AS)



Oleh Azmi Hassan  
bhrencana@bh.com.my

**Semalam**, Prabowo Subianto mengangkat sumpah sebagai Presiden Indonesia baharu menggantikan Joko Widodo atau Jokowi yang berakhir tempoh dua penggal menduduki jawatan tertinggi negara itu.

Persoalan timbul, apakah bentuk Kerajaan Indonesia era Prabowo kerana jika hendak diimbangi kembali rekod pemimpin itu sebagai Menteri Pertahanan Indonesia, ia tidak menggambarkan sepenuhnya cara tatalaksana untuk menjadi pemimpin negara seperti dijangkakan.

Mungkin, janji Prabowo ketika kempen Pemilihan Umum Presiden

Indonesia (PILPRES) boleh dijadikan sandaran tetapi hakikatnya janji kempen itu jauh bezanya dengan realiti apabila berada di tampuk kuasa kerajaan.

Warna-warni era Prabowo setakat ini dapat dilihat apabila beliau mengundang 49 tokoh boleh dianggap sebagai calon untuk mengisi jawatan penting beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Menariknya yang dipanggil itu pelbagai terdiri dari tokoh politik, akademik dan juga daripada barisan Kabinet Jokowi.

Memang benar hala tuju Prabowo sebagai presiden dapat dinilai daripada barisan kemungkinan Kabinet dan siapa mengetuai beberapa agensi penting Indonesia seperti Bank Indonesia (BI) atau Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK).

Menariknya besar kemungkinan Kabinet Presiden ada yang terdiri daripada bekas menteri era Jokowi dan ini mengundang spekulasi adakah dasar Jokowi akan dilangsungkan oleh Prabowo.

Paling menyerlah ialah kemungkinan menteri kewangan era Jokowi iaitu Dr Sri Mulyani Indrawati akan dilantik sekali lagi ke portfolio sama Prabowo. Ketika Sri Mulyani memegang jawatan pada era Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dan selepas itu Jokowi, beliau amat mengambil berat tatalaksana menambah punca pendapatan dan mengawal perbelanjaan negara.

Apakah dasar fiskal lebih bertanggungjawab seperti amalan Jokowi akan diteruskan Prabowo, maka pelantikan semula Sri Mulyani sudah pasti mengesahkan andaian ini. Ramai pemerhati politik Indonesia agak risau dengan beberapa janji kempen Prabowo dilihat sukar dilaksanakan jika melihat kepada kekangan kewangan.

Jika ditinjau visi Prabowo yang dikenali sebagai 'Bersama Indonesia Maju, Menuju Indonesia Emas 2045; terutama sekali mengenai program makanan dan susu percuma kepada lebih 82 juta penerima

dianggap menelan belanja lebih RM280 juta setiap hari. Sudah pasti program seperti ini akan mendapat perhatian istimewa Sri Mulyani.

Arah mana Prabowo akan membawa Indonesia dapat dibaca melalui matlamat beliau untuk mencapai pertumbuhan ekonomi Indonesia sebanyak 8.0 peratus pada penggal pertama pentadbirannya.

Dengan kadar pertumbuhan seperti ini menurut Prabowo, majoriti rakyat Indonesia untuk keluar daripada perangkap pendapatan sederhana akan menjadi lebih mudah dan seterusnya Indonesia akan mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2045.

Percaturan mudah adalah Prabowo perlu meningkatkan perbelanjaan kerajaan ketika ini berada dalam ambang RM820 juta dan ini sudah pasti menjadi sedikit kekangan jika Sri Mulyani adalah Menteri Kewangan.

## Prabowo popular di kalangan pengundi muda

Tetapi hakikatnya, kenapa Prabowo begitu popular dalam kalangan pengundi muda walaupun ditohmah sebagai seorang yang tidak menghormati hak asasi manusia kerana beliau dilihat berkemampuan meningkatkan ekonomi Indonesia.

Visi Prabowo untuk mengurangkan kumpulan bekerja secara tidak formal daripada 60 peratus ketika ini dengan mengembangkan ruang pekerjaan lebih formal menjadi kelebihan daya tarikan dan cabaran beliau sebagai presiden.

Bukan sahaja status pekerjaan formal memberi jaringan keselamatan kewangan dan sosial lebih baik kepada rakyat Indonesia tetapi akan meningkatkan pendapatan negara melalui sistem percukaian lebih efektif.

Sudah pasti Indonesia lebih makmur, manfaatnya akan melimpah ke negara jiran termasuk Malaysia

"Sudah pasti Indonesia lebih makmur, manfaatnya akan melimpah ke negara jiran termasuk Malaysia yang ketika ini menampung begitu ramai rakyat Indonesia mencari nafkah di sini"

yang ketika ini menampung begitu ramai rakyat Indonesia mencari nafkah di sini. Tetapi jangan lupa pada 2023 menyaksikan 3.1 juta pelancong Indonesia ke Malaysia dan pastinya akan bertambah ketika era Prabowo.

Hubungan antara negara jiran dan geopolitik global adalah antara perkara bakal diperhatikan selepas Prabowo mengangkat sumpah jawatan kerana berbanding Jokowi dan Susilo, Prabowo sedikit di pandang serong media Barat.

Ketika Indonesia menjadi pengerusi kumpulan G20, Jokowi ditempelak pemimpin Barat lain kerana menjemput Presiden Vladimir Putin untuk hadir di sidang kemuncak itu di Bali pada November 2022, ketika Russia baru lapan bulan melancarkan perang terhadap Ukraine.

Sementara itu, hubungan Jakarta dan Beijing adalah lebih akrab berbanding hubungan dengan Washington ketika era Jokowi dan kemungkinan akan diteruskan Prabowo. Dikhabarkan juga China adalah antara negara pertama di luar ASEAN akan dilawati Prabowo sebagai presiden.

Tidak syak lagi keakraban antara pemimpin Indonesia dan Malaysia akan menentukan warna-warni hubungan dua negara jiran ini dan hubungan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Prabowo sudah terjalin buat sekian lama.

Ia dibuktikan apabila Anwar sempat meluangkan masa bertemu Prabowo sehari sebelum upacara angkat sumpah sebagai Presiden berlangsung di Jakarta.

Pada 2021 ketika membuat lawatan ke Malaysia sebagai menteri pertahanan, Prabowo membuat kunjungan kepada Anwar bukan sebagai Ketua Pembangkang ketika itu tetapi sebagai kunjungan sahabat.

Menariknya lagi ialah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim sudah mengenali Prabowo menjangkau lebih 40 tahun bermula ketika latihan ketenteraan bersama di Fort Bragg, Amerika Syarikat (AS).

Dalam kesibukan berkempen pemilihan presiden pada November lalu, Prabowo mencuri masa melawat Malaysia sebagai menteri pertahanan dan bertemu Anwar. Tidak syak lagi era Prabowo sebagai presiden akan membawa Indonesia lebih maju terutama sekali dalam hal ekonomi.

Tidak syak juga hubungan istimewa antara Prabowo dan Anwar akan melonjak hubungan dua negara jiran ini ke arah lebih kuat kerana apabila dua pemimpin dapat berbincang dengan lebih terbuka dan ikhlas, maka sudah pasti manfaatnya adalah kepada rakyat kedua-dua negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH